

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

- a. apakah objektif Program Subsidi Beras Super Tempatan 15 Peratus Hancur (ST15) yang diperkenal dan dilaksanakan sejak tahun 2008; dan
- b. apakah ketelusan kaedah pelaksanaan dan pemantauan pengagihan kuota subsidi beras ST15 di seluruh negara terutamanya di negeri Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Objektif Program Beras Bersubsidi bagi pengeluaran beras Super Tempatan ST15% adalah untuk:

- i. bekalan beras ST15% di Semenanjung dan bekalan beras S15% di Sabah dan Sarawak stabil dari segi bekalan dan harga;
- ii. membantu industri pengilang dan pemborong yang menyertai program membekalkan beras dengan harga yang stabil;

- iii. menjaga kebijakan rakyat untuk mendapatkan beras dengan harga yang berpatutan; dan
- iv. mengekalkan harga kawalan beras ST15%/S15% dari RM1.65/kg hingga RM1.80/kg mengikut zon di peringkat pengguna;

Dengan pelaksanaan program ini, kerajaan telah dapat mengeluarkan bekalan beras ST 15% bagi memenuhi permintaan pengguna seluruh Malaysia. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan pertumbuhan industri padi tempatan di peringkat kilang dan borong terutamanya di kalangan bumiputera.

Kerajaan juga dapat menjimatkan pengaliran wang ke luar negara dengan penggunaan beras tempatan sebagai beras subsidi. Di samping itu juga, peningkatan kos pengeluaran beras oleh pengilang dapat ditampung dengan pemberian subsidi oleh Kerajaan.

(b) Kementerian sentiasa memastikan setiap program yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah telus dan memberi manfaat kepada rakyat, termasuklah program beras bersubsidi baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan tersebut, Kementerian telahpun mengambil beberapa langkah pembaharuan dalam melaksanakan Program Beras Subsidi ST15% bermula Oktober 2014 seperti berikut:

- i. Penambahbaikan ke atas Garis Panduan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15% *Standard of Procedure (SOP)* kriteria pemilihan pemborong yang layak untuk menyertai Program Beras Subsidi ST15 dan SOP Program Pengedaran Beras Subsidi ST15%;
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Induk Mengenai Hal Ehwal Industri Padi dan Beras yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha

Kementerian yang bertanggungjawab untuk menimbangkan permohonan mendapatkan kuota beras ST15% oleh syarikat pemborong;

- iii. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pegawai penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras, wakil Jabatan Pertanian (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia MAQIS bagi membuat pemeriksaan ke atas semua pemborong yang memohon menyertai Program Beras Subsidi ST15% untuk disyorkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Mengenai Hal Ehwal Industri Padi dan Beras;
- iv. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong yang mendapat kuota beras subsidi sehingga ke peringkat peruncit yang menerima edaran daripada pemborong;
- v. Penubuhan Pasukan Petugas Khas di peringkat Ibu Pejabat Kawalselia Padi dan Beras untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas pengilang, pemborong dan peruncit yang terlibat dalam pelaksanaan program beras subsidi; dan
- vi. Pemerkasaan Panel Pendengaran yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) bagi mendengar pertuduhan dan menimbangkan rayuan syarikat-syarikat yang telah melanggar akujanji berkaitan pengedaran kuota beras ST15%.

Sekian, terima kasih.